



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 4 petang, 3 November 2024

Untuk Terbitan Media

3 November 2024

SIARAN MEDIA

KADAR PENGANGGURAN NEGARA DIUNJUR TERUS SUSUT MENERUSI KARNIVAL KERJAYA SECARA BERKALA ALERT: MAJLIS PEMBANGUNAN BAKAT JOHOR PERKASA EKOSISTEM TVET DAN PELUANG KERJAYA

JOHOR BAHRU – Kadar pengangguran di Malaysia diunjur kekal merekodkan trend penyusutan menerusi jaringan kerjasama pelbagai agensi, termasuk penganjuran karnival kerjaya secara berkala di seluruh negara.

Timbalan Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, ketika menzahirkan keyakinan sedemikian berkata kadar pengangguran semasa yang berlegar sekitar 3.3 peratus sehingga Julai tahun ini menunjukkan trend positif dalam pemulihan pasaran pekerjaan negara.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan komited untuk merencana pelbagai inisiatif strategik, termasuk penganjuran karnival kerjaya yang menghubungkan pencari kerja dengan majikan secara langsung.

“Sebagai usaha memperkukuh agenda ini, karnival kerjaya kali ini menampilkan tiga fokus utama iaitu penawaran 15,000 peluang pekerjaan daripada 100 majikan dengan penawaran gaji yang kompetitif.

“Tujuan karnival ini bukan sekadar program biasa untuk dijadikan sebagai wadah mencari pekerjaan, tetapi merupakan platform komprehensif yang menggabungkan tiga fokus utama iaitu penawaran peluang pekerjaan, pembangunan keusahawanan, dan pemerksaan TVET.

“Melalui pendekatan menyeluruh ini, kita berupaya membuka lebih banyak peluang kepada rakyat Johor untuk meningkatkan taraf hidup mereka, di mana PERKESO juga turut memainkan peranan penting sebagai rakan strategik dalam ekosistem ini” katanya pada ucapatama pelancaran Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC) & Karnival Kerjaya, di sini hari ini.

Menyentuh mengenai JTDC, Ahmad Zahid memaklumkan bahawa penubuhan majlis itu bakal bertindak sebagai hab sehenti yang menghubungkan institusi TVET, industri dan pencari kerja.

Jelasnya, JTDC adalah pemangkin ke arah penyelarasan program latihan supaya mengikut keperluan industri, sekali gus memastikan graduan TVET mendapat peluang pekerjaan berkualiti dan mempromosi pembangunan kemahiran berteknologi tinggi.

Selain itu, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata, Johor sebagai negeri perintis bakal melaksanakan sistem gaji premium untuk lepasan TVET yang memiliki Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

“Langkah ini bertujuan memastikan graduan TVET mendapat imbuhan setimpal dengan kemahiran mereka bersandarkan penanda aras gaji negara jiran.

“Usaha ini adalah bagi memastikan tenaga kerja mahir tempatan berdaya saing, khususnya dari segi gaji, berbanding dengan negara-negara jiran,” katanya.

Pada majlis yang sama, Johor Petroleum Development Corporation Berhad (JPDC) dan OPITO telah memeterai kerjasama dalam Projek Kluster Kecemerlangan dengan sokongan dana pembangunan daripada Kementerian Ekonomi.

Timbalan Ketua Eksekutif JPDC, Izhar Hifnei Ismail memaklumkan bahawa program pentauliahan OPITO Global Qualifications & Standards julung kali dilaksanakan untuk 10 institut TVET awam di Malaysia. Lima institut telah berjaya mendapat pentauliahan pada September 2024, manakala lima lagi dijangka menerima pentauliahan pada akhir tahun ini.

"Pentauliahan ini akan membuka lebih banyak peluang bagi tenaga kerja Malaysia mendapatkan sijil kecekapan antarabangsa dalam bidang industri hiliran minyak dan gas, petrokimia dan kimia.

"JPDC telah menjalankan 92 program latihan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula dari 2013 hingga 2024, melibatkan 7,917 orang tenaga kerja Malaysia dengan kadar kejayaan mendapat pekerjaan hampir 100 peratus," ujar beliau.

Turut hadir dalam program hari ini adalah Menteri Besar Johor, Dato' Onn Hafiz Ghazi; Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Sri Diraja Zambry Abd Kadir; Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Abdul Rahman Haji Mohamad; Setiausaha Kerajaan Johor, Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani serta Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Ahmad Haji Maslan.

Karnival kerjaya selama tiga hari, mulai Jumaat lalu anjuran Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor ini membolehkan pengunjung memanfaatkan perkhidmatan seperti khidmat padanan pekerjaan melalui MYFutureJobs, sesi kaunseling kerjaya, khidmat runding cara faedah PERKESO, jualan Rahmah, serta pameran agensi-agensi kerajaan dan pelbagai inovasi.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

3 November 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatimah Kamal Redzuan

+6019-7107479

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my